



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN SELANGOR KAMPUS DENGKIL**

**BORANG KEBENARAN KELUAR MASUK KAMPUS**

NAMA PENUH : .....

STATUS :           BUJANG / KAHWIN           KOLEJ / NO. BILIK : .....

NO. MATRIK UTM : ..... NO. KAD PENGENALAN : .....

KOD PROG./KUMP. : ..... NAMA PROGRAM : .....

ALAMAT RUMAH : .....

.....

NO. TELEFON RUMAH : ..... NO. TELEFON BIMBIT : .....

KELUAR					* MASUK			
TARIKH	MASA	ALAMAT TEMPAT DITUJU & NO. TEL RUJUKAN / TUJUAN	T/TGN PELAJAR	T/TGN SRK BERTUGAS	TARIKH	MASA	T/TANGAN POLIS BANTUAN BERTUGAS	CATATAN

\* *Tindakan Polis Bantuan bertugas mencatat*

**PANDUAN PENGGUNAAN BORANG KEBENARAN KELUAR MASUK (BERMALAM) :**

1. Pelajar yang ingin keluar dan bermalam pada hari bekerja/kuliah perlu melengkapkan Borang Permohonan Keluar Masuk Kampus (Bermalam) dan mendapatkan **KEBENARAN** Staf Residen Kolej (SRK) bertugas mengikut kolej masing-masing.
2. Sila serahkan borang ini di Pos Polis Bantuan semasa keluar dan mengambil semula setelah kembali.
3. Kegagalan mematuhi segala peraturan akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

## BORANG KEBENARAN KELUAR MASUK KAMPUS

Pelajar yang hendak keluar kampus (meninggalkan kampus) atau balik bermalam di rumah ibubapa/ penjaga masing-masing pada hari-hari berkerja/ kuliah dikehendaki mengisi "Borang Kebenaran Keluar Masuk Kampus" yang boleh didapati dengan memuat turun borang di laman web rasmi Pusat Asasi. "Borang Kebenaran Keluar Masuk Kampus" yang telah lengkap diisi (nyatakan tempat tujuan) hendaklah diserahkan kepada Polis Bantuan yang bertugas di Pondok Polis Bantuan sebelum keluar dan mengambilnya semula setelah masuk ke kawasan kampus.

Tandatangan dan kebenaran **DIWAJIBKAN** jika keluar bermalam dan hanya boleh diluluskan oleh Staf Residen Kolej (SRK) yang bertugas di kolej masing-masing. "Borang Kebenaran Keluar Masuk Kampus" ini sah digunakan sepanjang tempoh pengajian. Kegagalan mematuhi segala peraturan akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Pelajar adalah tidak dibenarkan:

- ⇒ Mengambil "Borang Kebenaran Keluar Masuk Kampus" bagi pihak pelajar lain.
- ⇒ Meniru tandatangan pegawai di "Borang Kebenaran Keluar Masuk Kampus" akan dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib.
- ⇒ Menggunakan pensil dan pen selain dari warna hitam/ biru di atas "Borang Kebenaran Keluar Masuk Kampus".
- ⇒ Memberi kenyataan palsu sebab-sebab perlu keluar dan juga memberi kenyataan palsu mengenai destinasi yang hendak dituju.
- ⇒ Membuat pindaan-pindaan dengan niat menipu di borang. Dilarang keras menggunakan pemadam putih (*liquid paper*) di "Borang Kebenaran Keluar Masuk Kampus".

***Sekiranya saudara/i gagal mematuhi arahan ini, tindakan tatatertib boleh disyorkan untuk dikenakan menurut Kaedah 29 dan 30, Bahagian III (Tatatertib Asrama), Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174):***

### ***Berada di luar asrama pada waktu malam***

***29. Seseorang pelajar menetap tidak boleh berada di luar asrama selepas pukul 11.00 malam kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Warden***

### ***Berada di dalam premis asrama selepas pukul 11.00 malam***

***30. Selepas pukul 11.00 malam, kecuali pelajar menetap dalam asrama mereka masing-masing, tiada seseorang pelajar lain boleh berada dalam premis asrama kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Warden.***

## **PENGETUA KOLEJ UNIT PENGURUSAN KOLEJ**

**JADUAL 1 : RINGKASAN SITUASI, TINDAKAN PELAJAR & IMPLIKASI KELUAR MASUK KAMPUS**

SITUASI	KELUAR KAMPUS	MASUK KAMPUS	TINDAKAN PELAJAR	IMPLIKASI
SITUASI 1	Sebelum jam 11.00 pm	Sebelum jam 11.00 pm	Tidak perlu mohon kebenaran SRK	Tiada tindakan
SITUASI 2	Sebelum jam 11.00 pm	Selepas jam 11.00 pm	Perlu mohon kebenaran SRK	Dikenakan tindakan tatatertib jika tiada kebenaran
SITUASI 3	Selepas jam 11.00 pm	Sebelum jam 11.00 pm	Perlu mohon kebenaran SRK	Dikenakan tindakan tatatertib jika tiada kebenaran
SITUASI 4	Sebelum jam 11.00 pm pada hujung minggu (Jumaat/ Sabtu/ Ahad/ Cuti Umum)	Sebelum jam 11.00 pm pada hujung minggu (Jumaat/ Sabtu/ Ahad/ Cuti Umum)	Tidak perlu mohon kebenaran SRK	Tiada tindakan
SITUASI 5	Sebelum jam 11.00 pm pada hujung minggu (Jumaat/ Sabtu/ Ahad/ Cuti Umum)	Selepas jam 11.00 pm pada hujung minggu (Jumaat/ Sabtu/ Ahad/ Cuti Umum)	Perlu mohon kebenaran SRK	Dikenakan tindakan tatatertib jika tiada kebenaran